

# Empat pelajar dakwa dipukul

B/4 16/5/12 MS 16

*Ibu kesal tindakan tidak profesional guru*



Mahadewi (kanan) menunjukkan kepala anaknya yang bengkok didakwa dipukul guru lelaki itu.

**BUKIT SENTOSA** - Empat pelajar perempuan tingkatan 1 sebuah sekolah menengah di sini mendakwa dipukul seorang guru sehingga tiga daripadanya terpaksa mendapatkan rawatan di klinik berdekatan kerana penganan sebelum dibawa ke Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB).

Insiden itu berlaku kira-kira jam 5.30 petang kelmarin setelah guru lelaki didakwa marah tindakan pelajar yang bising dan keluar kelas tanpa kebenaran.

Bagaimanapun, ibu seorang murid terbabit, MK Mahadewi, 40, berkata, ia berbeza dengan kenyataan anaknya, S Shanmugi, 13, bersama tiga rakannya yang mendakwa mereka diberi kebenaran keluar sebelum guru terbabit memukul mereka ketika diarah masuk semula ke dalam kelas.

"Anak saya kata dia dan rakannya telah meminta kebenaran keluar namun setelah itu mereka diarahkan masuk sebelum dipukul di kepala menggunakan fail dan kotak pensil sehingga bengkak manakala seorang lagi disepak

"Anak saya bersama dua rakannya mengalami bengkak di kepala sehingga me-

**“ Anak saya bersama dua rakannya mengalami bengkak di kepala sehingga menyebabkan mereka penganan ketika menuju ke pejabat pengetua.”**

**Mahadewi**

nyebabkan mereka penganan ketika menuju ke pejabat pengetua,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Mahadewi berkata, guru yang melihat kejadian itu segera membawa mereka ke klinik berdekatan.

Tetapi menurutnya pihak klinik tidak mahu menerima pelajar terbabit kerana kecederaan dialami berkait kes pukul dan mereka dibawa semula ke sekolah.

Mahadewi juga kecewa kerana mendakwa pihak sekolah tidak memaklumkan perkara itu kerana dia hanya mendapat tahu setelah datang sendiri ke sekolah.

"Saya mulanya risau sebab sudah jam 7.45 petang anak saya masih tak pulang sedangkan rumah saya dekat saja dari sekolah, jadi saya terus ke sekolah sebelum mendapat tahu kejadian itu.

"Kesal dengan insiden itu saya mengambil keputusan membuat laporan polis sebelum membawa anak ke

HKKB.

"Doktor mengarahkan anak saya ditempatkan di hospital dalam tempoh 24 jam kerana bimbang kesan sampingan akibat bengkak di kepala," katanya.

Mahadewi juga kesal kerana guru yang didakwa memukul anaknya sepatutnya lebih bersikap sabar dan tidak bertindak demikian terhadap pelajar.

Sementara itu, difahamkan pelajar sekolah terbabit meminta kebenaran keluar kelas untuk menemui seorang pelajar di kelas lain kerana didakwa telah menconteng buku rakan mereka.

Tujuan empat pelajar terbabit dipercayai kerana mahu memberi teguran kepada pelajar itu namun guru tersebut menghalang tindakan pelajar berkenaan.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* cuba mendapatkan maklumbalas daripada pihak sekolah namun gagal dihubungi.